



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM SEJARAH

Tajuk: Warganegara Cemerlang

Nilai Teras: Kegembiraan

Masa: 1 jam

SK: 7.1 Kedatangan Kuasa Barat.

SP: K7.1.5 Menjelaskan kepentingan memanfaatkan sumber kekayaan negara.

Objektif:

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid akan dapat:

1. Menghuraikan tiga ciri warganegara yang cemerlang.
2. Menjelaskan tiga cara melengkapkan diri menjadi warganegara yang cemerlang.
3. Mengamalkan ciri-ciri warganegara yang cemerlang.

Aktiviti Literasi Sivik : Set induksi

1. Guru menayangkan video tentang kekayaan hasil bumi negara kita.
2. Perbincangan dikaitkan dengan pembentukan warganegara yang cemerlang.

Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Guru membahagikan kelas kepada beberapa kumpulan.
2. Guru membekalkan sehelai kertas sebak kepada setiap kumpulan.
3. Murid perlu membincangkan warganegara yang cemerlang dalam bidang yang diceburinya dan ciri-ciri mereka sebagai orang yang cemerlang.
4. Setelah tamat tempoh, murid membuat satu rumusan tentang warganegara cemerlang sebagai sumber kekayaan negara kita dan membentangkan hasil dapatan mereka di hadapan kelas secara bergilir-gilir.

Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Murid dalam kumpulan yang sama diberikan sekeping kertas sebak.
2. Lipat kertas sebak seperti buku.
3. Setiap kumpulan perlu berbincang dan menyenaraikan cara-cara yang boleh melengkapkan diri mereka menjadi warganegara yang cemerlang.
4. Setelah selesai, wakil setiap kumpulan akan membacakan cara-cara yang telah dibincangkan di hadapan kelas secara bergilir-gilir.

Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Murid perlu mencatatkan beberapa cara yang telah dibincangkan semasa melakukan Aktiviti Literasi Sivik 2 di dalam sekeping kertas A4.
2. Kertas tersebut akan ditampal di dalam bilik tidur murid pada ruang yang mudah dilihat setiap hari seperti di pintu bilik, pintu almari atau cermin.
3. Murid perlu berusaha melaksanakan cara tersebut.

Refleksi: (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)